



Rumah masa depan

B.H m/s B 2 20.1.07

Penghuni kawal kemudahan elektronik dari luar

Oleh Nor Liza Ahmad

KESIBUKAN tugas seharian di luar rumah sama ada di pejabat atau mengendalikan perniagaan, menyebabkan seseorang mempunyai masa amat terhad untuk mengendalikan urusan rumah tangga, selain faktor keletihan sebaik pulang ke rumah.

Keadaannya menjadi lebih serius jika pasangan itu bekerja dan tidak mempunyai pembantu rumah. Ia menjadikan rumah mereka seolah-olah seperti tidak terurus, kecuali pada hujung minggu atau apabila mereka tidak bekerja.

Namun, keadaan seumpama itu bakal berubah apabila konsep Rumah Pintar yang kini sedang dalam uji kaji oleh pelbagai syarikat pengeluar peralatan elektronik dan elektrik menjadi kenyataan pada masa depan.

Rumah pintar adalah satu sistem pengawasan dan kawalan di rumah yang menggunakan komputer peribadi (PC) bagi membolehkan penghuni menjalani kehidupan selesa, selamat, mudah dan canggih.

Syarikat seperti Matsushita, Samsung, LG, Electrolux dan General Electric (GE) kini giat menghasilkan pelbagai produk yang dilengkapi sistem teknologi terkini untuk kegu-

FAKTA

Konsep Rumah Pintar

- Rumah pintar adalah satu sistem pengawasan dan kawalan di rumah yang menggunakan komputer peribadi (PC).
- Syarikat seperti Matsushita, Samsung, LG, Electrolux dan General Electric (GE) kini giat menghasilkan pelbagai produk yang dilengkapi sistem teknologi terkini untuk kegunaan rumah seumpama itu.
- Matsushita menerusi jenama Panasonic, sudah menghasilkan prototaip rumah pintar yang kini dipamerkan di Tokyo.
- Berupaya mengawasi status penggunaan tenaga dan air menerusi Sistem Pengurusan Persekitaran dan Tenaga Rumah.



CANGGIH: Konsep Rumah Pintar bakal merubah bentuk kehidupan pada masa depan.

naam rumah seumpama itu.

Menerusi penggunaan pelbagai peralatan berteknologi tinggi dan terkini, adalah tidak mustahil pelbagai kerja rumah, bermula dari halaman rumah sehingga ke ruang dapur, semuanya boleh dikawal dengan hanya menekan butang atau PC.

Tuan rumah kini misalnya, tidak lagi perlu bergegas untuk membuka pintu pagar jika ada tetamu yang datang, sebaliknya boleh menggunakan alat kawalan jauh dari dalam rumah.

Begitu juga sekiranya ingin memeriksa penghuni yang berada dalam rumah, ia boleh dikesan dari luar rumah dengan menggunakan sistem pengesan berteknologi tinggi.

Menerusi teknologi yang dibangunkan, anda mungkin tidak perlu lagi bersesak ke pasar atau beratur panjang di pasar raya semata-mata untuk mendapatkan keperluan dapur, tetapi boleh melakukannya dari rumah secara talian terus.

Dengan hanya menekan butang, penghuni juga boleh mengawal kediaman mereka seperti menghidup atau mematikan lampu, penghawa dingin, sistem hi-fi dan komputer, malah mereka berupaya mengawasi status penggunaan tenaga dan air melalui Sistem Pengurusan Persekitaran dan Tenaga Rumah.

Selain itu, jika anda ingin memeriksa berat atau kandungan lemak dalam badan serta membuat ujian air kencing, pergi saja ke tandas.

Ruang tandas yang dilengkapi Sis-



JAGA KESIHATAN: Sistem pemeriksaan kesihatan direka khas dalam tandas.


tem Tandas Pengawasan Kesihatan turut dihubungkan kepada sistem pelayan lengkap dengan maklumat mengenai berat badan dan kandungan lemak boleh diperolehi.

Semuanya ini bukan lagi menjadi angan-angan kosong atau kisah daripada filem futuristik, sebaliknya akan menjadi kenyataan

dengan wujudnya kemudahan rumah pintar.

Konsep rumah masa depan ini sebenarnya sudah banyak dibincangkan dan ia bukanlah perkara baru terutama dalam era digital, apabila kemudahan teknologi maklumat dan sistem canggih turut dihasilkan.

Rumah Pintar



Keghairahan syarikat elektronik dan elektrik yang berlumba-lumba menghasilkan peralatan canggih mampu memberi manfaat kepada kehidupan lebih selesa, mudah dan pantas.

Matsushita menerusi jenama Panasonic, sudah menghasilkan prototaip rumah pintar yang kini

dipamerkan di Tokyo. Syarikat itu merancang mula menghasilkan konsep rumah pintar itu menjelang 2010.

Hakikatnya, satu hari nanti masyarakat Malaysia juga berupaya menikmati gaya hidup alaf baru menerusi pembangunan rumah pintar terbabit.